

**PKR bincang masa depan Khalid esok, kata Lembaga Disiplin
Malaysian Insider
Aug 8, 2014
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Lembaga Disiplin PKR hari ini tidak dapat mendedahkan keputusan surat yang dikirimkan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan semuanya akan diputuskan dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR esok.

Pengerusinya, Datuk Dr Tan Kee Kwong berkata masa depan Khalid akan dibincangkan bersama pemimpin kanan parti selain ketua cabang juga dijemput memberikan pandangan. "Kita sudah terima (surat Khalid) dan esok kita bincang di MPP. Pandangan kami tidak boleh diberitahu hari ini.

"Lebih baik 3 petang esok kita panggil ketua cabang maka mesyuarat akan diadakan di sana. Pemimpin kanan juga akan hadir," katanya ketika ditemui media di Ibu Pejabat PKR hari ini.

Sementara itu, Angkatan Muda Keadilan (AMK) menggesa semua pihak dalam parti berhenti mengeluarkan kenyataan mengelirukan bagi membolehkan proses peralihan menteri besar Selangor berjalan lancar.

Ketuanya, Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata mesyuarat pimpinan pusat PKR akan berlangsung esok dan semua pandangan dan percanggahan boleh diadakan dalam pertemuan itu.

"Datuk Seri Anwar Ibrahim terbuka kepada semua pandangan dan kami berharap mengadakan pertemuannya dalam masa terdekat," katanya.

Mengulas mengenai akuan bersumpah (SD) yang perlu ditandatangani Adun Selangor dari PKR, setiasaha agungnya, Datuk Saifuddin Nasution Ismail, berkata ia merupakan satu persediaan untuk masa depan dan enggan mengulas panjang.

"Mereka fikir ia satu yang diputuskan parti. Nasihat saya pendirian parti perlu didahulukan dan kita akan adakan pertemuan esok.

Adun Seri Setia Nik Nazmi Nik Ahmad berkata pertemuan bersama kepimpinan parti hari ini hanya satu mesyuarat biasa dan sekadar mengesahkan keputusan parti sebelum ini.

"Kami sokong pendirian parti yang disokong sebelum ini," katanya.

Adun Seri Andalas Dr Xavier Jayakumar berkata dokumen SD itu masih belum dilihat dan satu keputusan akan dibuat kemudian.

"Kita bincang isu saja. Saya tidak melihat apa-apa dokumen. Nantilah kita buat keputusan.

"Kalau ada SD, dalam minggu depan selesailah. Kita terima keputusan MPP. Kita akui keputusan mereka," katanya.

Ketika ditanya, keengganan sebilangan Adun PKR Selangor yang tunduk kepada keputusan parti, Xavier berkata akhirnya semua akan mengalah.

"Itu pendirian mereka. Tetapi akhir nanti semua akan tandatangan kerana ini keputusan parti," katanya. – 8 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-bincang-masa-depan-khalid-esok-kata-lembaga-disiplin>